

**KAJIAN DEMONISASI PEMIMPIN WANITA: KES
MAHARANI CIXI (1861-1908)**

MUHAMAD DANIEL IBRAHIM BIN YAACOB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

KAJIAN DEMONISASI PEMIMPIN WANITA: KES MAHARANI CIXI (1861-1908)

oleh

MUHAMAD DANIEL IBRAHIM BIN YAACOB

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Sosial**

Mei 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T di atas segala limpah kurnia, kekuatan, kecekalan dan kecelikan rohani dan jasmani tika di dalam proses menyiapkan kajian ini. Jutaan penghargaan ditujukan kepada *sensei* yang juga para penyelia yang amat dihormati, Dr Siti Zuliha Razali dan Dr Muhammad Febriansyah. Mereka tidak pernah jemu memberikan segala bentuk bantuan, motivasi dan tunjuk ajar kepada empunya diri ketika dalam proses menyiapkan kajian ini. Seterusnya, ucapan penghargaan yang penuh kasih sayang ditujukan kepada ibu bapa dan keluarga yang menjadi sumber bantuan motivasi, kewangan dan memberikan sepenuh restu dan doa kepada empunya diri ini ketika di dalam penghasilan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan di alam realiti dan juga alam maya yang menjadi “*advisor, motivator & “listener”* kepada diri. Tidak dilupakan ucapan penghargaan ditujukan kepada para staf pentadbiran dan akademik di School of Social Sciences serta staf IPS yang banyak memberi bantuan dan panduan dari awal proses pendaftaran sehingga ke siapnya kajian ini. Penghargaan ditujukan kepada para pensyarah di Department of Political Science, SOC yang memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada empunya diri ketika kajian ini sedang dilakukan. Akhir sekali, penghargaan khas ini ditujukan kepada mantan penyelia di zaman sarjana muda yang merangkap mentor dan sifu kepada empunya diri iaitu Puan Mahfudzah Mustafa. Beliau banyak memberikan nasihat, motivasi serta tunjuk ajar kepada empunya diri ketika waktu penghasilan kajian ini walaupun sudah bersara dari dunia penyelidikan dan pendidikan. Penghargaan ini diakhiri dengan jutaan penghargaan kepada semua yang telah memberikan sokongan dan bantuan kepada diri. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas segala jasa kalian.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI RAJAH.....	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian.....	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian.....	10
1.7 Definisi Operasional.....	13
1.7.1 Demonisasi	13
1.7.2 Patriarki dan Masyarakat Bias Gender.....	14
1.7.3 Akreditasi	15
1.8 Pembahagian Bab	15
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Kajian status quo wanita Qing	20
2.3 Kajian peranan dan sumbangan Cixi.....	24
2.4 Kajian penafian akreditasi dan pendemonisasian Cixi.....	30
2.5 Kesimpulan.....	35
BAB 3 KERANGKA KONSEPTUAL	37
3.1 Pengenalan	37

3.2	Konsep Gender	38
3.3	Konsep Kepimpinan	46
3.3.1	Kepimpinan Politik	48
3.3.1(a)	Kepimpinan Politik- Karismatik.....	51
3.4	Konsep demonisasi.....	53
BAB 4 METODOLOGI KAJIAN.....		59
4.1	Pengenalan	59
4.2	Reka Bentuk Kajian	59
4.3	Proses Pengumpulan Data	62
4.3.1	Kajian kepustakaan dan kaedah sejarah	63
4.4	Analisis Data	64
4.4.1	Analisis Wacana Kritis.....	65
4.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	69
4.6	Batasan Kajian.....	71
4.7	Kesimpulan.....	72
BAB 5 STATUS QUO WANITA ERA PRA-PENTADBIRAN CIXI (1735-1861)		74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Ketekalan Struktur Feudal di Era Qing (1735-1861)	77
5.3	Tertindas Wanita Qing Dek Lelaki	79
5.3.1	Diskriminasi, Eksploitasi dan Penindasan wanita Qing.....	80
5.3.2	Institusi Diraja	101
5.3.3	Adat Budaya Qing.....	103
5.4	Kesimpulan.....	105
BAB 6 PERANAN DAN SUMBANGAN CIXI DALAM REFORMASI CHINA (1861-1908).....		108
6.1	Pengenalan	108
6.2	Dari jalanan ke Istana Larangan.....	110

6.3	Reformasi Pentadbiran China.....	124
6.4	Permodenan Institusi Sosial	127
6.4.1	Pertahanan	128
6.4.2	Ekonomi dan pembangunan negara	132
6.4.3	Pendidikan.....	140
6.5	Transisi Perubahan Wanita.....	142
6.6	Kesimpulan.....	147
BAB 7	DEMONISASI DAN PENAFIAN AKREDITASI CIXI	150
7.1	Pengenalan	150
7.2	Demonisasi Dan Propaganda	153
7.2.1	Wanita Femme Fatale.....	153
7.2.2	Wanita Yehenala Sueh	155
7.2.3	Wanita Boros dan Tamak.....	156
7.2.4	Pemimpin Gagal.....	157
7.3	Sebab Musabab Demonisasi dan Penafian Akreditasi Pada Cixi	159
7.3.1	Dipasung di Bawah Patriarki.....	160
7.3.2	Herotan Fakta Dan Dakwaan Tidak Berasas.....	172
7.4	Kesimpulan.....	184
BAB 8	PENUTUP.....	186
	RUJUKAN.....	212

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 Carta aliran hubungan kerangka konseptual dan analisa dapatan kajian.....	38
Rajah 4.1 Carta aliran proses perlaksanaan kajian	61
Rajah 4.2 Carta Aliran Sumber Sekunder	62
Rajah 4.3 Kerangka Analisis	65
Rajah 4.4 Model Analisis Wacana Kritis Fairclough (1995)	67
Rajah 5.1 Struktur Masyarakat Qing (Smith, 2015).....	77
Rajah 5.2 Jenis kesalahan berkaitan perkahwinan (Huang, 2001)	95
Rajah 6.1 Carta hierarki istana gundik	114
Rajah 6.2 Carta aliran kepimpinan Cixi (peranan dan sumbangan).....	124

**KAJIAN DEMONISASI PEMIMPIN WANITA: KES MAHARANI CIXI
(1861-1908)**

ABSTRAK

Maharani Cixi menjadi pemimpin wanita yang menafikan status quo untuk mentadbir China silam yang bertunjangkan kebudayaan patriarki. Kepimpinannya digambarkan gagal dan diwarnai kontroversi yang mencacatkan reputasinya dalam naratif sejarah. Permasalahan timbul apabila ada naratif akademik yang berhujah kontra melihat kepimpinannya dari sisi berbeza dan ini mewujudkan persoalan mengenai kepimpinan dan sumbangannya disamping status kedudukan wanita pada era itu dilihat kabur. Kajian kualitatif ini menggunakan lensa konsep demonisasi, gender dan kepimpinan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian sejarah untuk mengutip data dan ia dianalisa menerusi cara analisis wacana kritikal. Hasil kajian mendapati status quo wanita Qing terkongkong akibat pengaruh gender iaitu patriarki yang terhasil dari doktrin prejudisme Confucianisme yang membentuk masyarakat yang mendiskriminasi wanita. Kajian menunjukkan Cixi memainkan peranan dan kepimpinannya menyumbang kepada kemaslahatan China namun dia dinafikan akreditasi atas pengaruh gender seperti prejudisme sejarawan tradisional dalam penulisan naratifnya serta pemalsuan fakta dan fitnah oleh musuh politiknya. Kajian ini menunjukkan bagaimana elemen gender dimanipulasi sebagai alat mendiskriminasi dan mendemonisasi wanita. Ini sekaligus telah memenuhi jurang kekosongan mengenai pengaruh dan peranan gender di dalam pendemoniasian pemimpin wanita. Cixi telah bergerak melintasi ruang lingkup patriarki untuk memimpin dan mereformasi China dan baginda harus diberikan akreditasi dan penghargaan yang sepatutnya.

THE STUDY ON THE DEMONISATION OF A WOMAN LEADER: THE CASE OF EMPRESS DOWAGER CIXI (1861-1908)

ABSTRACT

Empress Dowager Cixi is one of the female leaders who had defy the status quo to ruled Ancient China which upheld the patriarchal culture. Her leadership was considered failed and tinged with controversy which severely implicated her in the mainstream historical narrative. However, problems arise when there were narratives which viewed her in a different light contradicting the common narratives hence creating questions about her role and contribution and also on the unclear status quo of Qing women. This qualitative research examines Cixi using the lens of demonization, gender and leadership concepts and uses the library research and historical approach to extract the secondary data and analysing it using the critical discourse analysis method. The results shows that the status quo of Qing women was constrained due to the influence of gender that were exhibited through the patriarchal norm that derives from the prejudicial and discriminating doctrine of Confucianism in which had created a society that discriminated against women. Results show that Cixi played significant roled and had made own contribution to China, but was denied accreditation due to gender influences such as the prejudice writing of traditional historians about her as well as the falsification of facts and slander done by her foes. This research shows how gender elements were manipulated as a tool to discriminate and demonize women. This research has managed to filled the emptied gap regarding the influence and role of gender in the women leader's demonization. Cixi has transcend beyond the patriarchal spheres to lead and reform China and she should be given the accreditation and recognition she deserves.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Status quo wanita pada hari ini amat jauh berbeza jika dibandingkan dengan status quo wanita pada masa lampau terutamanya pada sekitar era abad ke-19 dan abad ke-20. Wanita pada era lampau itu dilihat lebih tertindas dan terkongkong dibawah payungan kebudayaan patriarki jika dibandingkan dengan status quo hari ini di mana kondisi dan kehidupan wanita itu adalah lebih baik dan malahan bukan satu perkara yang baharu apabila ramai wanita pada hari ini diangkat untuk menjadi pemimpin dan mampu menjadi individu yang berjaya setanding dengan lelaki. Namun keadaannya berbeza dengan era lampau di mana amat jarang didengari berkenaan dengan kepimpinan wanita. Hanya terdapat beberapa orang sahaja pemimpin wanita pada masa lampau yang dilihat begitu berkuasa di negara mereka misalannya Ratu Victoria di Britain dan Maharani Cixi di China.

Akan tetapi kehidupan mereka berdua amat berbeza dari sudut latar kehidupan mereka. Cixi menjadi pemerintah setelah mengorak langkah yang panjang dan bermula sebagai gundik diraja kelas bawahan sehinggalah baginda menjadi seorang maharani melalui statusnya sebagai bonda maharaja berbanding Victoria yang menjadi pemerintah melalui penggiliran kuasa secara tradisional dan juga disebabkan dirinya merupakan satu-satunya pewaris takhta. Latar negara dan struktur sosial juga berbeza bagi kedua individu ini. Kehidupan Cixi berlatarkan negara China pada era dinasti Qing di mana masyarakat dan kebudayaannya itu begitu menjulang nilai patriarki dan memartabatkan lelaki sebagai satu entiti yang *superior* di dalam semua aspek kehidupan dan wanita itu harus menjadi *inferior*. Wanita Qing tertindas dan didiskriminasi dan terpaksa akur pada kod moral etika yang begitu ketat dan mereka

harus menurutinya bagi menjadi seorang wanita feminin dan ideal yang akhirnya menjurus menjadikan diri mereka bak barang perhiasan untuk lelaki. Wanita Qing hanya memainkan peranan sebagai seorang isteri, anak perempuan yang taat dan wanita yang ideal dan tidak boleh mencampuri urusan lelaki. Namun, Cixi dilihat telah menafikan status quo itu dan berjaya mengorak langkah ke arah takhta naga. Baginda berjaya menjadi pemangku bagi pemerintahan dua orang Maharaja dan mentadbir China hampir lima dekad sebelum kemangkatannya pada 1908 (Chang, 2013). Perjalanan Cixi bermula pada tahun 1852 apabila baginda dilantik menjadi gundik kepada Maharaja Xianfeng. Dia menggunakan pengalaman hidup dan ilmu pendidikannya sebagai satu aset yang membantunya untuk mendapat perhatian Xianfeng. Kedudukannya semakin kukuh sebagai seorang gundik apabila melahirkan pewaris lelaki iaitu bakal Maharaja Tongzhi pada 1856. Selepas kemangkatan Xianfeng pada tahun 1861, Cixi diangkat menjadi Maharani Istana Barat manakala Permaisuri Xiaozhenxian, iaitu isteri utama Xianfeng menjadi Maharani Istana Timur Ci'an. Berikutan kejayaan Kudeta Xinyou, kedua-dua maharani itu dilantik sebagai pemangku pemerintah mewakili Tongzhi, lantas bermulalah pemerintahan di sebalik tirai (Chang, 2013). Cixi kekal memainkan peranan *de facto* di dalam pentadbiran China merencanakan proses reformasi di dalam negara terbabit sehingga baginda mangkat.

Huraian di atas jelas memberikan gambaran tentang kehidupan seorang wanita yang sangat berkuasa di penghujung era dinasti terakhir ini. Dinasti Qing merupakan dinasti pentadbiran monarki terakhir di China yang bermula pada 1644 sehingga ke tahun kejatuhan dinasti itu pada 1911 iaitu kira-kira tiga tahun setelah kemangkatan Cixi pada 1908 (Chang, 2013). Cixi merupakan di antara tiga wanita yang pernah memegang kuasa pentadbiran dan monarki di era China tradisional di samping Wu

Zetian (624-705 AD) di dinasti Tang dan maharani Lu (241-180 BC) di dinasti Han. Walaupun adanya peranan wanita di dalam pentadbiran itu, akan tetapi ia tidak menafikan kenyataan bahawa nilai patriarki itu menjadi tunjang utama di dalam struktur sosial negara tersebut. Wanita hanya menjadi watak sampingan di dalam latar belakang era China tradisional itu. Wanita di era China tradisional melalui pelbagai bentuk diskriminasi atas faktor keutuhan pegangan terhadap nilai patriarki di dalam masyarakat. Keadaan kekal stagnan walaupun pelbagai dinasti silih berganti. Ketekalan nilai patriarki yang dibawa di dalam ajaran nenek moyang malahan perundangan sedia ada ini dilihat begitu mendalam yang telah mendorong kepada diskriminasi dan penindasan wanita. Wanita yang tidak patuh dan turut kepada nilai tersebut dilihat sebagai individu yang derhaka dan tidak taat kepada nenek moyang. Ini mendorong kepada mereka untuk menjadi bahan cercaan dan hinaan. Perkara sedemikian telah terjadi kepada Cixi sendiri di mana baginda menjadi sasaran juga. Mengorak langkah dan menjadi pemangku pemimpin dan memainkan peranan serta mendominasi pentadbiran telah membentuk imej wanita yang tidak taat dan patuh pada ajaran nenek moyang dan wanita yang jahat. Cixi memainkan peranannya sebagai pemangku dan menggerakkan proses perubahan di negara terbabit misalannya dengan pembangunan sektor pertahanan China dan pembangunan sektor telekomunikasi seperti pemasangan telegraf akan tetapi ia tidak dipandang dan Ong (2005) menggambarkan baginda sebagai individu yang membawa nasib malang kepada China dan menyebabkan kejatuhan dinasti terbabit. Cixi juga digambarkan sebagai individu yang tamak, kejam dan pembunuh (McMahon 2020). Pelbagai jenis cercaan dan hinaan yang dilemparkan kepadanya datang dari ahli sejarawan yang skeptikal dan musuh politiknya telah mendemonisasikan baginda secara total. Wujudnya percanggahan di dalam sejarah yang dirangka. Percanggahan wujud dari segi fakta dari

segi kehidupan, serta peranan baginda sebagai pemerintah dan juga impak dari kepimpinan beliau terhadap transisi perubahan status quo China di mana karya Bland dan Backhouse (2009) menggambarkan diri baginda sebagai seorang yang tamak akan kuasa. Beliau digambarkan sebagai satu sosok figura yang tidak berperanan di dalam menggerakkan perubahan China di akhir dinasti Qing. Akhirnya, sejarah dan ahli akademik melakarkan baginda sebagai individu yang menyebabkan kejatuhan dinasti Qing dan didorong oleh personalitinya yang amat korup.

Maka wujud pelbagai persoalan dan isu berkaitan baginda. Pentadbirannya yang dikenali sebagai pentadbiran di sebalik tirai itu dilihat berjaya memanjangkan kemandirian China akan tetapi Cixi digambarkan sebagai wanita bernasib malang dan pemimpin yang gagal (McMahon 2020). Dia digambarkan sebagai seorang wanita yang derhaka kepada ajaran nenek moyang dan tidak diberikan akreditasi yang sewajarnya untuk peranan dan sumbangannya dan keadaan ini kekal stagnan sehingga ke hari ini di mana masyarakat melihatnya sebagai individu yang sedemikian akan tetapi terdapat kajian lain yang memberikan lontaran hujah yang berbeza dengan naratif utama yang sering menjadi rujukan dan dibawakan misalannya naratif Bland dan Backhouse (2009). Naratif lain seperti kajian Chang (2013) memberi satu sisi baharu mengenai Cixi ini turut memainkan peranan dan sumbangan kepada perubahan status quo negara China. Ini sekaligus menjurus kepada timbulnya permasalahan kajian kerana wujud perbezaan hujah.

1.2 Permasalahan Kajian

Perbezaan hujah di dalam kajian lepas mengenai figura Cixi dan adanya kesamaran di dalam hal perihal status quo wanita di dalam era lewat Qing itu dilihat menimbulkan permasalahan kajian. Hujah baharu yang menyatakan kepimpinan Cixi

yang bertahan selama hampir lima dekad itu menyaksikan pelbagai jenis perubahan telah berlaku. Cixi dilihat sebagai individu yang berdiri sebaris dengan Wu Zetian di era Tang yang menafikan status quo untuk menjadi pemerintah wanita di era China silam. Kendatipun begitu, Cixi mengalami nasib yang serupa dengan Wu Zetian iaitu menjadi sasaran demonisasi dan diskriminasi yang seterusnya menjatuhkan reputasinya serta menjurus kepada penafian akreditasi yang sewajarnya diberikan Cixi. Diskriminasi yang begitu menebal itu menjurus kepada berlakunya penindasan wanita dan menjurus kepada wanita dilihat sebagai komuniti kelas kedua dan diberi layanan yang boleh diibaratkan sebagai layanan yang merendahkan martabat mereka. Lantas ini menjurus kepada pembangkitan tiga permasalahan kajian yang mana ketiga-tiga itu saling bersangkutan.

Permasalahan kajian pertama ialah tertumpu kepada status quo wanita Qing. Wanita Qing seringkali dilihat tertindas dari pelbagai sudut (Huang, 2011). Hujah Huang (2011) mengenai mereka menjadi sasaran diskriminasi dan ditindas ini menimbulkan persoalan tentang status quo wanita dan layanan terhadap wanita pada era tersebut di samping faktor yang menjurus kepada penindasan itu berlaku. Gao (2003) menghuraikan mengenai golongan lelaki lebih dijulung berbanding wanita dan ini menjadi permasalahan mengenai status quo sebenarnya wanita Qing itu di dalam latar belakang masyarakat yang menjulang golongan lelaki. Kebanyakan kajian lepas lebih bersifat menjelaskan naratif penindasan mereka tanpa menjelaskan status quo mereka secara total dari sudut perkahwinan, pembesaran dan sebagainya serta punca yang menjurus kepada mereka dilayan sedemikian. Kelopongan ini menimbulkan permasalahan dan menjurus kepada persoalan yang tidak terjawab. Lantas pengkaji ingin melihat apakah status quo sebenar wanita Qing ini secara total yang merangkumi mencari jawapan punca tentang mengapa mereka dilayan sedemikian rupa.

Pengkaji juga telah mengenal pasti permasalahan kedua iaitu mengenai pernyataan bahawa Cixi adalah seorang anti kemodenan dan menolak apa jua unsur pembaharuan serta mengenai Cixi tidak menjalankan tugasnya sebagai seorang pemimpin dan baginda tidak cekap memimpin dan kelemahan ini membawa kepada kejatuhan monarki di China itu (Bland & Backhouse, 2009). Namun ada hujah yang menyatakan sebaliknya di mana Cixi merupakan pemimpin yang menggerakkan proses reformasi misalannya boleh dilihat melalui proses menaik taraf sektor pertahanan di awal pentadbirannya serta pembangunan sektor komunikasi (Chang, 2013). Maka disini tampak jelas perbezaan hujah yang dibawa oleh kajian-kajian lepas berkenaan kepimpinannya itu serta peranan dan sumbangannya itu. Lantas kajian ini menyasarkan untuk menyelesaikan permasalahan kajian iaitu mencari jawapan dan menjelaskan mengenai peranan baginda serta melihat juga sumbangan-sumbangan baginda sebagai seorang pemimpin. Jawapan permasalahan kedua ini dianggap penting kerana ia juga bersangkutan dengan permasalahan kajian terakhir.

Permasalahan kajian seterusnya dapat dilihat apabila ada kenyataan seperti Ong (2005) yang menyatakan bahawa Cixi menggunakan kedudukannya untuk menghalang reformasi dan kemodenan dari masuk ke China atau dalam erti mudahnya ialah baginda ialah anti kemodenan. Hujah ini digunapakai di dan ini menjurus kepada penciptaan imej tersebut. Namun wujud kajian lepas lain misalannya Chang (2013) yang menyatakan bahawa pada 1875, Cixi telah mengarahkan perlombongan arang telah dijalankan di dua buah kawasan bagi tujuan penjanaan elektrik. Maka di sini timbul percanggahan mengenai bentuk-bentuk sumbangan baginda sebagai seorang pemerintah yang termasuk dibawah jurisdiksi dibawah permasalahan kajian kedua namun timbul juga persoalan dan juga permasalahan kajian iaitu mengenai faktor yang mendorong kepada penciptaan sentimen yang mempamerkan baginda sebagai anti

kemodenan dan ini menjurus kepada ketidaklangsungan negara China yang menjurus kepada kejatuhan Dinasti Qing.

Ini juga ditambah dengan tersebarnya cerita bahawa Cixi ini seorang yang tamak akan kuasa sehingga sanggup membunuh anak dan menantunya (Hussey 1994). Namun kenyataan ini dinafikan oleh dayang/pelayan peribadinya yang mengatakan bahawa Cixi tidak akan tergamak untuk membunuh anaknya (Yu, 2015). Jadi tampak jelas mengenai permasalahan di sini iaitu mengenai sentimen dan propaganda yang dilemparkan kepadanya yang dilihat sekaligus mencemarkan imejnya secara total dan pandangan serong terhadapnya kekal sehingga ke hari ini. Permasalahannya ialah mengenai punca yang mendorong kepada demonisasinya ini yang sekaligus menjurus kepada penafian akreditasi yang selayaknya diberikan kepadanya. Susuk ikon yang bernama Cixi ini menjadi penggerak utama kepada penerimaan arus baharu namun telah dinafikan akreditasi yang sepatutnya diberikan kepadanya dan hanya para pegawai istananya yang menerima akreditasi dan segala sumbangan Cixi itu tidak dipandang (Chung, 1979). Penulisan mengenai Cixi di dalam Bahasa Inggeris dilihat terbahagi kepada dua pandangan berbeza yang satunya melihat Cixi disisi positif dan satu pihak melihat sisi negatif. Ini yang menjurus kepada perbezaan hujah dan pandangan. Selain atas faktor kekangan bahasa, bahan rujukan bahasa Inggeris akan digunapakai bagi mencari jawapan dalam penyelesaian permasalahan kajian yang berbangkit ini.

Tuntasnya, kajian ini akan cuba untuk merungkai setiap permasalahan kajian yang dibangkitkan bagi mencari jawapan untuk setiap persoalan kajian yang tersenarai. Pertama ialah dari sudut status quo wanita pada zaman dinasti Qing di mana wanita itu dilihat sebagai golongan tidak signifikan. Seterusnya ialah dari sudut peranan dan sumbangan Cixi (1861-1908) di mana tertumpu mengenai peranan Cixi

di dalam pentadbiran serta sumbangannya sebagai seorang pemerintah kepada China. Akhir sekali, ialah bagi merungkai permasalahan kajian mengenai sentimen-sentimen dan cerita yang saling kontra yang dilihat menjurus kepada pembunuhan reputasi seterusnya penafian akreditasi yang selayaknya diberikan kepada Cixi atas peranan dan sumbangannya kepada China. Permasalahan kajian yang disenaraikan ini di mana wujudnya kesamaran dan kontra di dalam kajian lepas yang meninggalkan satu ruang kosong di dalam skop akademik ini telah menjurus kepada wujudnya persoalan-persoalan kajian mengenai gender dan figura Cixi ini.

1.3 Persoalan Kajian

Seiring dengan permasalahan kajian yang telah dinyatakan, tesis ini dihasilkan dengan tujuan untuk mengkaji dan menghuraikan tiga buah persoalan utama yang disenaraikan di bawah. Persoalan-persoalan kajian yang dibangkitkan ini akan dijawab melalui analisis secara menyeluruh menerusi Bab 5 sehingga Bab 7 sebelum dirangkum dan disimpulkan di dalam Bab 8. Tiga persoalan kajian tersebut adalah:

1. Bagaimanakah keadaan status quo dan kedudukan wanita pada zaman dinasti Qing:era pra-pentadbiran Cixi?
2. Apakah peranan dan sumbangan Cixi sebagai pemimpin dalam proses reformasi China (1861-1908)?
3. Mengapakah pendemoniasian dan penafian akreditasi peranan dan sumbangan Cixi berlaku dalam kalangan masyarakat dan para sejarawan ?

1.4 Objektif Kajian

Seterusnya terdapat tiga buah objektif kajian yang telah mendasari kajian ini. Sehubungan dengan persoalan kajian di atas, berikut merupakan objektif kajian:

1. Meneliti status quo dan kedudukan wanita pada dinasti Qing “pra pentadbiran Cixi”.
2. Mengkaji peranan dan sumbangan Cixi sebagai pemimpin dalam reformasi China (1861-1908)
3. Menyelidiki faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya pendemoniasian serta penafian akreditasi peranan dan sumbangan Cixi oleh masyarakat dan para sejarawan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini telah difokuskan kepada negara China pada sekitar pertengahan sehingga ke hujung abad ke -19 dan awal abad ke-20 berlatarbelakangkan negara China sebagai entiti utama. Kajian ini meletakkan Maharani Cixi sebagai unit analisis utama. Pengkaji membuat analisis berdasarkan kehidupan baginda semasa baginda menjadi pemerintah sehingga ke tahun kemangkatan baginda bagi mencari jawapan untuk persoalan kajian yang dibangkitkan. Dua unit analisis akan menjadi tumpuan pengkaji untuk mencapai objektif kajian iaitu unit analisis individu dan unit analisis negara. Unit analisis individu itu merupakan Cixi sendiri dan unit analisis negara itu ialah negara China. Mengapa dua unit ini diletakkan sebagai unit analisis? Ini kerana kajian ini berkisarkan mengenai kepimpinan baginda serta mencari faktor peminggiran dan penafian akreditasi baginda yang dilihat sebagai satu tindakan pendemoniasian baginda di samping mengkaji status quo masyarakat wanita China di dalam budaya masyarakat patriakal pada era itu. Kajian ini membuat pengkajian dari sudut skop temporal iaitu di antara tahun 1835 (sekitar pentadbiran Maharaja Daoguang) sehingga ke 1908 (tahun kemangkatan Cixi). Skop temporal dipecahkan kepada dua iaitu di antara tahun 1835 sehingga 1861 (sekitar tahun kelahiran Cixi sehingga ke tahun dia

menyertai istana gundik) dan tahun 1861 sehingga 1908 (tahun Cixi menjadi Maharani sehingga ke kemangkatannya). Skop masa ini dipilih disebabkan pengkaji ingin meletakkan fokus terhadap carian data dan membuat analisa di dalam ruang lingkup mengenai status quo yang tertumpu kepada masyarakat wanita Qing, latar kehidupan Cixi sebelum menyertai istana dan juga latar kehidupan Cixi setelah menyertai istana dan menjadi maharani.

Akhir sekali ialah skop kajian ini pada tahap nasional dan internasional. Pemilihan skop kajian ini adalah pertama disebabkan ingin melihat status quo wanita Qing di dalam ruang lingkup nasional iaitu ruang lingkup dalam negara China itu dan seterusnya melihat kepimpinan Cixi itu di dalam pembuatan keputusan yang akan mempengaruhi negara China pada dua lapisan iaitu dari sudut dalam negara iaitu peringkat nasional dan luar negara iaitu internasional. Pengkaji melihat bahawa kepimpinan baginda sebagai seorang pentadbir negara yang terlibat di dalam pembuatan keputusan itu memainkan peranan dalam memacu transisi negara China keluar dari status quo lama. Secara amnya, pemilihan setiap skop kajian yang dinyatakan ini akan membantu pengkaji mencari jawapan persoalan kajian yang dibangkitkan dan sekaligus memenuhi objektif kajian yang disenaraikan.

1.6 Kepentingan Kajian

Umumnya, negara China adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai corak sejarah yang berbeza sebelum kejatuhan pentadbiran monarki. Pelbagai dinasti silih berganti sehinggalah ke dinasti terakhir iaitu Qing. Pentadbiran monarki di China itu didominasi oleh lelaki akan tetapi terdapat wanita yang berjaya mencabar status quo itu antaranya ialah Maharani Wu yang hidup di dinasti Tang dan yang terakhir sekali ialah Maharani Cixi di era dinasti Qing yang menjadi subjek utama kajian ini.

Kajian Cixi ini mempunyai kepentingan-kepentingan tersendiri dan setiap satu kepentingan ini adalah saling berkait dengan yang lain. Antaranya ialah memberi lebih pemahaman satu sudut dimensi baharu mengenai status quo kehidupan wanita Qing serta pengaruh kebudayaan dan ajaran nenek moyang yang bertunjangkan patriarki ke atas kehidupan wanita Qing dari sudut kebudayaan wanita, pendidikan dan sebagainya.

Seterusnya, kesignifikanan kajian ini adalah dengan memberi pemahaman dari sudut kepimpinan yang tertumpu kepada peranan dan sumbangan Cixi sebagai seorang pemerintah, bagaimana baginda telah melangkaui pemikiran konservatif dan misogini yang begitu kuat ketika era monarki di negara China untuk menjadi pemimpin serta menafikan hujah yang melihatnya sebagai seorang pemimpin yang gagal. Perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian lepas Bahasa Inggeris lain adalah dari sudut ekstrak data dan menganalisa kepimpinan baginda itu sendiri di samping pengkaji memenuhi keperluan kekurangan kajian mencukupi yang menjelaskan mengenai peranan dan sumbangan Cixi untuk rujukan pembaca non mandarin reader and speaker.

Kepentingan kajian ini adalah untuk menggariskan peranan dan sumbangannya kepada China sebagai seorang pemimpin. Ini sekaligus menjurus memberi pendedahan mengenai peranan yang Cixi mainkan di dalam struktur pentadbiran negara China serta sumbangan baginda terhadap negara China. Penggunaan teori kepimpinan dilihat mampu mengenal pasti peranan baginda di dalam pentadbiran negara China yang dilihat sebagai satu kepentingan untuk mengetahui cara baginda menongkah langkah ke arah menjadi pentadbir negara disamping mengkaji mengenai peranan baginda dalam pentadbiran. Adakah peranan Cixi di dalam pentadbiran dan adakah bidang kuasa baginda juga tertakluk hanya semata dalam pentadbiran negara atau meliputi segenap ruang lingkup istana (istana gundik) di samping mengkaji bentuk sumbangan

Cixi kepada negara. Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk memperluaskan pemikiran dan menambahkan ilmu pengetahuan masyarakat dari sudut ilmu sejarah dan juga sains politik mengenai lensa peranan dan sumbangan Cixi dalam mempengaruhi dan menggerakkan pemodenan di negara China pada abad ke 19 dan awal abad ke 20

Kesignifikanan kajian ini juga adalah untuk memenuhi kekurangan bahan bacaan akademik untuk *non mandarin reader and speaker* mengenai skop kajian gender serta kemampuan faktor gender itu menjadi sebab musabab yang menjurus kepada penafian akreditasi mahupun mendemonisasi seseorang individu itu. Kajian ini dilaksanakan untuk memberi pemahaman dan mencipta satu dimensi pandangan baharu untuk ilmu hubungan antarabangsa khususnya kajian gender mengenai bagaimana faktor gender itu menjurus kepada pendemoniasian Cixi secara total.

Selain itu, kepentingan kajian ini adalah untuk memberi satu pandangan sisi baharu dengan menggunakan konsep gender untuk menjelaskan tentang bagaimana setiap elemen gender misalannya peranan gender itu mampu membentuk mentaliti negatif yang menjurus kepada membentuk perilaku yang mendiskriminasi dan memandang rendah kepada jantina lain dan ini juga termasuk memberi pemahaman tentang bagaimana gender itu juga boleh menjadi instrumen yang mengongkong serta mengawal wanita.

Di samping itu, kajian ini ingin mencipta satu pemahaman mengenai bagaimana *gender bias society* itu terbentuk melalui hasil pemupukan dan sosialisasi nilai dan kebudayaan tempatan dan bagaimana masyarakat patriarki dan mentaliti berat sebelah dan mendiskriminasi itu boleh dimanipulasi sebagai instrumen untuk mendemonisasi dan mempengaruhi penulisan akademik atau sejarah mengenai wanita seperti Cixi dan lantas menafikan akreditasi yang sewajarnya diberikan kepadanya.

Ini akibat daripada terpupuknya pemikiran dan mentaliti yang mendiskriminasi dan prejudis yang melihat lelaki itu sebagai satu makhluk superior dan wanita itu sebagai inferior dan harus menjadi inferior serta tidak seharusnya melangkaui peranan dan ciri yang telah ditetapkan oleh nenek moyang. Akhir kalam, kajian ini diharap dapat membantu memberi ruang lingkup asas untuk memahami tentang status quo wanita China silam, serta peranan konsep gender di dalam ruang lingkup kajian ini. Kepentingan kajian ini dilihat memberi pemahaman dan pendedahan kepada masyarakat di mana skop kajian ini merentasi sempadan disiplin ilmu sejarah, sains politik dan juga hubungan antarabangsa.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat tiga kata kunci utama yang disenaraikan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Kata-kata kunci tersebut merupakan demonisasi, patriarki dan masyarakat bias gender di bawah satu kata kunci serta terakhir sekali ialah akreditasi. Kesemua kata kunci ini diperjelaskan dengan terperinci di dalam bahagian 1.7 ini bagi memudahkan para pembaca untuk memahami naratif kajian ini dari sudut analisis dan perbincangan dapatan kajian dengan lebih baik dan berkesan.

1.7.1 Demonisasi

Demonisasi merupakan satu terma yang belum mempunyai takrifannya malahan tiada lagi kewujudan terma ini di dalam bahasa Melayu. Maka pengkaji mengambil pendekatan membuat pinjaman bahasa Indonesia “demonisasi” sebagai terjemahan bagi terma demonization. Andersen dan Bergmann (2020) menyatakan bahawa demonisasi ini datang dalam pelbagai bentuk. Demonisasi ini mengikut Giner-Sorolla dan Leidner (2012) ialah satu bentuk tindakan atau tingkah laku yang menjurus kepada pembentukan imej mangsa demonisasi itu sebagai satu agen

kejahatan yang bukannya sahaja perlu tapi wajib disingkirkan dan ini selari dengan pendefinisian De Luca dan Buell (2005) yang menakrifkan demonisasi sebagai satu tindakan menggambarkan atau membentuk imej seseorang itu dengan mengaitkan mereka dengan perwatakan syaitan atau demon yang kemudian retorik ini ini dikongsi di dalam masyarakat. Ini secara langsung membentuk imej buruk mengenai individu atau satu kumpulan itu kepada masyarakat. Dalam konteks kajian ini, terma ini digunakan untuk menggambarkan subjek kajian ini iaitu Cixi sebagai mangsa demonisasi di mana naratif dirinya diolah dan dikaitkan dengan perwatakan yang jahat. Terma ini dibincangkan dengan lebih lanjut sebagai satu konsep di dalam Bab 3.

1.7.2 Patriarki dan Masyarakat Bias Gender

Sylvia Walby (1989) mentakrifkan patriarki sebagai satu bentuk struktur dan amalan sosial yang mewajarkan dan membenarkan penindasan dan pengeksploitasian golongan lelaki terhadap golongan wanita. Millet (1970) pula menyatakan bahawa patriarki ini merupakan satu bentuk institusi politik yang menjulang satu bentuk hubungan berbentuk kuasa iaitu bentuk hubungan antara superior dan inferior di antara lelaki dan wanita. Kenyataan Millet ini selari dengan takrifan Hook (2000) yang melihat patriarki itu menjulang dan membentuk persepsi tanggapan bahawa golongan lelaki itu lebih superior dan sepatutnya mendominasi dan mengawal golongan wanita yang lebih inferior. Kebudayaan patriarki ini menjurus kepada terwujudnya masyarakat patriarki yang bersifat mendiskriminasi wanita yang seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat bias gender di mana masyarakat itu berpemikiran bias gender dan tingkah laku masyarakat itu bersifat menjulang golongan lelaki itu dan melihat lelaki sebagai entiti superior dan menindas wanita dan meletakkan wanita sebagai entiti inferior dan ini boleh dilihat di dalam contoh misalannya di Nigeria di mana masyarakat Nigeria itu merupakan masyarakat bias gender yang

mendiskriminasi wanita dan kebudayaan masyarakat bias gender itu dibentuk melalui sistem kepercayaan berlatarkan elemen patriarki yang melihat golongan wanita Nigeria hanya mempunyai tempat sebagai seorang suri rumah sahaja (Makama, 2013)

1.7.3 Akreditasi

Akreditasi merupakan satu terma yang digunakan oleh pengkaji yang dilihat menghampiri maksud terma pengiktirafan dan perakuan yang digunakan sebagai perakuan sumbangan dan peranan subjek kajian ini ketika kehidupannya. Terma ini tidak mempunyai pendefinisian khusus di dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka akan tetapi pengkaji menyelarikan penggunaan ini dengan terma pengiktirafan yang seringkali digunakan sebagai satu kaedah khusus untuk memperakui atau mengiktiraf sesuatu pencapaian atau organisasi atau individu misalannya di Amerika Syarikat, The US Department of Education melihat akreditasi sebagai satu bentuk pengiktirafan formal oleh kerajaan kepada institusi yang mencapai standard ditetapkan (Johnson & Johnson 2019). Maka penggunaan akreditasi ini dilihat sesuai sebagai satu bentuk terma yang boleh digunakan di dalam menjelaskan mengenai penafian akreditasi atau pengiktirafan masyarakat khususnya golongan akademik seperti sejarawan malahan masyarakat terhadap peranan dan sumbangan subjek kajian ini .

1.8 Pembahagian Bab

Kajian tesis ini terdiri daripada lapan bab utama. Setiap bab ini adalah saling berkait di antara satu sama lain. Pembahagian dan organisasi adalah seperti berikut:

Bab 1: Pengenalan

Bab 1 ini merupakan bab penting yang bertindak sebagai tulang belakang kepada kajian ini. Bab 1 terdiri daripada pendahuluan yang memberi gambaran mengenai keseluruhan kajian tesis ini.. Bab 1 mengandungi latar belakang kajian

ilmiah ini dan ia juga mengandung permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan objektif kajian. Secara ringkasnya bab ini memberikan gambaran umum kepada pembaca mengenai kajian ini secara keseluruhan.

Bab 2: Sorotan Kajian Lepas

Bab 2 meletakkan fokus terhadap kajian-kajian dan karya lepas yang dipakai di dalam kajian ini. Sorotan kajian ini amat penting bagi membantu menganalisa serta menjawab persoalan kajian sekaligus mencapai objektif kajian yang disenaraikan. Sorotan kajian ini berlingkar dari era sebelum kelahiran Cixi bagi menampakkan status quo China untuk mendapatkan input dan fakta kajian yang akan dianalisa untuk mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian yang dibangkitkan.

Bab 3: Kerangka Konseptual

Bab 3 ini meletakkan tumpuan terhadap konsep demonisasi, kepimpinan dan konsep gender yang diusulkan untuk memahami, menjelaskan dan mengkaji subjek kajian ini bagi mencari jawapan untuk persoalan kajian yang dibangkitkan lantas mencapai objektif kajian penyelidikan ini dengan lebih jelas

Bab 4: Metodologi Kajian

Bab 4 ini tertumpu kepada penjelasan metod yang akan digunakan dalam pengumpulan data untuk melaksanakan kajian ini yang bersifat kualitatif. Kajian ini mengambil pendekatan kajian perpustakaan yang merujuk kepada sumber sekunder dan metod analisis wacana kritikal untuk menganalisa data.

Bab 5: Status quo wanita era pra-pentadbiran Cixi

Pada bab 5, pengkaji akan meletakkan fokus dalam menjelaskan mengenai status quo negara China pada waktu sebelum Cixi memasuki istana sebagai seorang gundik. Status quo ini akan berlingkar di sekitar ketika era penghujung pentadbiran Maharaja Daoguang sehingga ke era Maharaja Xianfeng. Secara amnya pengkaji

menjawab persoalan kajian pertama yang dibangkitkan mengenai status quo dan kedudukan masyarakat wanita Qing. Di samping itu, pengkaji akan menjelaskan latar sosial dan budaya masyarakat China dan masyarakat istana pada ketika itu. Ini kerana latar sosial dan budaya ini penting untuk menunjukkan bentuk amalan-amalan dan praktik yang diamalkan misalannya wanita mempunyai peranan yang terhad serta tidak berpendidikan di dalam lapisan masyarakat. Wanita di dalam istana gundik pula mempunyai larangan untuk tidak membuat campur tangan di dalam politik. Ini sekaligus akan menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan dan memberikan ruang kepada pembaca untuk memahami gambaran status quo masyarakat China pada ketika itu serta layanan dan status quo wanita pada ketika itu.

Bab 6: Peranan dan sumbangan Cixi dalam reformasi China (1861-1908)

Bab 6 pula tertumpu kepada analisa data yang telah dikumpul untuk menjawab dan menghuraikan persoalan kajian kedua yang dibangkitkan dan sekaligus mencapai objektif kajian kedua yang disenaraikan. Melalui bab ini pengkaji akan menganalisa peranan dan sumbangan Cixi kepada masyarakat China semasa pentadbirannya sebagai pemangku disebalik pelbagai dakwaan yang mengatakan bahawa baginda merupakan pemimpin yang gagal dan tidak memainkan sebarang peranan signifikan di dalam pentadbiran dan reformasi China.

Bab 7: Demonisasi dan penafian akreditasi Cixi

Bab 7 ini tertumpu kepada analisa data berkaitan faktor yang mendorong dan mempengaruhi tingkah laku masyarakat dan para sejarawan yang mengambil sikap menafikan dan meminggirkan akreditasi peranan dan sumbangan Cixi. Pengkaji akan merujuk karya lepas serta analisa kajian di dalam bab 3 dan 4 untuk mendapatkan data bagi memenuhi persoalan kajian yang dibangkitkan.

Bab 8: Penutup

Bab 8 menjadi bab yang menyimpulkan dan merangkumkan keseluruhan kajian tesis ini. Bab ini akan merumuskan hasil kajian dengan kritikal dan kritis serta mempamerkan bahawa objektif kajian itu berjaya dicapai dan persoalan kajian itu berjaya dijawab. Pengkaji juga ada menyatakan mengenai limitasi kajian ini di samping memberi saranan untuk kajian masa hadapan. Selain itu, pengkaji turut menyatakan mengenai nilai dan *novelty* kajian ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Bab ini berperanan di dalam memberi panduan kepada pengkaji dalam mengumpul data untuk tujuan analisa disamping bertindak sebagai satu bab yang mampu menjustifikasikan hujah yang dibawa di dalam kajian ini. Terdapat perbezaan yang diantara kajian ini dengan kajian lepas lain yang lebih bersifat menjurus kepada kajian secara umum mengenai jenis penindasan wanita Qing semata, latar biografi Cixi dari sudut kehidupannya sahaja. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kelopongan atau tiada kajian yang inklusif yang merangkumi perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam permasalahan kajian yang menjurus kepada persoalan kajian di dalam Bab 1. Maka sorotan kajian ini dibahagikan kepada tiga pecahan tema kajian utama dan sorotan ini bertindak menggabungkan maklumat yang berselerak dan pelbagai itu untuk menjadi dasar yang membantu pembentukan kajian ini menjadi satu kajian yang lebih inklusif. Ketiga-tiga tema kajian tersebut ialah kajian status quo wanita Qing, kajian peranan dan sumbangan Cixi dan kajian penafian akreditasi dan pendemoniasian Cixi. Maka kajian ini bertujuan menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan dan bezanya kajian ini dengan kajian lepas adalah pengkaji akan menganalisa dengan lebih lanjut mengenai isu-isu yang tidak begitu dibincangkan dan diberikan perhatian. Terdapat kajian-kajian lepas yang akan menjadi sumber data bertindih di dalam beberapa bab perbincangan dapatan kajian misalannya karya Chang (2013) disebabkan sorotan kajian tersebut merangkumi sumber data yang boleh digunakan untuk analisa data di dalam Bab 6 dan 7.

2.2 Kajian status quo wanita Qing

Majoriti kajian-kajian lepas berkaitan status quo wanita pada era dinasti Qing dilihat lebih tertumpu kepada naratif kehidupan wanita Qing semata yang dilihat melalui pelbagai rintangan dan cabaran penindasan. Ini boleh dilihat menerusi penulisan Ho (1995) di dalam artikel jurnal beliau yang bertajuk " *The Cultivation of Female Talent: Views on Women's Education in China during the Early and High Qing Periods*" yang menjelaskan mengenai kebanyakan karya klasik mengenai panduan berkeluarga pada dinasti Qing itu menekankan mengenai peraturan berkaitan wanita harus kekal tidak berpendidikan dan halangan mengenai mendidik wanita untuk mempelajari karya klasik atau sejarah. Akan tetapi Ho ada menyatakan bahawa terdapat beberapa kes di mana terdapat golongan wanita berjaya mendapat pendidikan terutama bagi wanita dari dalam kalangan keluarga para sarjana yang membenarkan anak perempuan mereka untuk memperoleh pendidikan. Ho (1995) juga menyatakan bahawa *Nuxue (lesson for girls)*" yang menjadi "buku teks" untuk pendidikan wanita Qing pada ketika itu menekankan bahawa pendidikan untuk lelaki dan wanita yang menjelaskan bahawa pendidikan wanita itu harus berbeza dengan pendidikan diterima lelaki. Wanita itu harus menumpukan pada pendidikan yang merangkumi hal ehwal rumah tangga seperti memasak dan menjahit. Ho mengulas bahawa hal rumah tangga ini juga dijelaskan di dalam karya puisi bertajuk *Sigan* yang menekankan mengenai wanita harus menuruti tindak tanduk yang tercatat dan jika mereka tidak menuruti, perkara buruk akan menimpa mereka. Secara rangkumannya, di sini jelas menunjukkan bagaimana komuniti wanita pada era Qing itu dinafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan yang sempurna dan saksama. Wanita pada era Qing diasuh dan dididik di bawah skop pendidikan yang berkaitan dengan tugas mereka misalannya hal ehwal rumah tangga dan pendidikan mengenai kewanitaan dan ini

berbeza dengan pendidikan diterima oleh lelaki. Wanita pada era itu diterhadkan skop pendidikan mereka dan mereka harus menuruti segala peraturan atau kod moral yang tercatat di dalam karya-karya klasik yang dilihat sebagai gaya panduan hidup mereka. Mereka dilihat dikongkong dan dikawal pada awal usia mereka.

Kajian seterusnya ini boleh dilihat saling berkait dengan kajian Wing di mana kajian ini juga menghuraikan mengenai pendidikan wanita. Kajian Wong (1995) yang bertajuk "*Women's Education in Traditional and Modern China*" tertumpu kepada pendidikan wanita di China. Pendidikan wanita di China amat berbeza pada era China tradisional di mana, ia terhad kepada pendidikan mengenai tradisi keluarga, etnik sosial dan penekanan terhadap cara menjadi suri rumah yang bersopan santun dan ibu yang baik serta mampu menguruskan rumah tangga dengan sempurna. Namun, tingkah laku wanita juga dikawal oleh satu kod moral dan norma sosial ketika itu yang meletakkan bahawa wanita itu di bawah lelaki. Salah satu kod moral terbabit menyatakan bahawa lelaki harus memainkan peranan yang dominan manakala wanita harus kekal taat dan setia pada suaminya. Ini memberi gambaran bahawa pendidikan wanita pada era Qing itu bersifat membentuk wanita untuk menjadi suri rumah dan individu yang taat kepada suami namun ini dilihat membuka ruang kepada satu penindasan di dalam ruang lingkup rumah tangga.

Penindasan wanita Qing ini berlaku dan boleh dilihat menerusi kajian lepas seterusnya ini yang membincangkan mengenai hak dan layanan kehidupan golongan isteri dan balu pada dinasti Qing. Artikel jurnal Huang (2001) yang bertajuk "*Women's Choices under the Law. Marriage, Divorce, and Illicit Sex in the Qing and the Republic*" ini menjelaskan bahawa masyarakat Qing melihat wanita dan status mereka sebagai komuniti kelas bawahan dan ini berbeza sedikit dengan era pentadbiran pasca-Qing iaitu Quomintang yang melayan golongan wanita mereka dengan lebih baik

walaupun kebanyakan kebudayaan Qing misalannya berkaitan status, tingkah laku dan layanan terhadap komuniti wanita telah diasimilasikan ke dalam kebudayaan moden di era republik itu. Akan tetapi ada juga bentuk perlindungan yang diberikan terhadap wanita di era Qing dan ini tidak diberikan di era Quomintang. Penulis menjelaskan bahawa isu-isu yang dilihat sebagai kesalahan seperti jual beli isteri, pelacuran isteri dan banyak lagi kesalahan dan sememangnya dilihat berlaku di era Qing. Institusi perkahwinan di era Qing boleh dilihat sebagai rapuh untuk golongan wanita. Wanita yang menjadi balu amat mudah menjadi sasaran layanan teruk oleh keluarga mentuanya dan jika balu tersebut ingin berkahwin lain, beliau akan kehilangan haknya terhadap dowry perkahwinan yang dibawanya. Di samping itu, wanita yang melalui keganasan domestik tidak mempunyai hak untuk menuntut cerai dan mereka hanya tinggal dengan dua pilihan iaitu melarikan diri atau kekal di dalam suasana sedia ada. Jika melarikan diri dan ditangkap, mereka akan dihukum sebat dengan kayu buluh tebal sebanyak 100 kali. Di sini boleh dirangkumkan bahawa wanita Qing itu tetap ditindas walaupun telah berkahwin atau sudah menjadi balu di mana hak mereka tetap dinafikan.

Wanita Qing itu menjadi sasaran mudah untuk ditindas dan ini dijelaskan didalam penulisan Gao (2003) iaitu *Women Existing for Men: Confucianism and Social Injustice against Women in China* yang juga menampakkan bahawa Gao menumpukan skop kajiannya kepada pendidikan wanita yang dilihat terkongkong dan ia berpaksikan idea Confucianisme yang dirangkumkan di dalam satu karya iaitu *Nü sishu (The Confucian Four Books for Women)*. Gao juga menjelaskan bahawa Confucianisme itu melihat wanita sebagai sosok figura yang mampu membawa kemaslahatan dan seharusnya dikawal dan dikekang. Gao juga memperihalkan mengenai masyarakat China itu amat bias dan prejudis terhadap wanita dan ia didorong

oleh idealisme Confucianism in. Penulisan Gao ini dilihat senada dengan kajian seterusnya iaitu oleh Jiang (2009) di dalam artikel jurnalnya yang bertajuk *Confucianism, Women, And Social Contexts* menceritakan mengenai idea nilai Confucianisme Three Obedience and Four Virtues yang mengikat wanita kepada lelaki di samping idea falsafah Confucianisme lain yang bersifat bias seterusnya menjurus kepada terbentuknya masyarakat yang bersifat menjulang lelaki dan merendahkan wanita. Status quo wanita Qing pada ketika memperlihatkan yang mereka tidak mendapat peluang yang sama dengan lelaki Qing. Mentaliti yang menjulang patriarki itu membentuk masyarakat yang berat sebelah dan bias terhadap golongan wanita dan menjurus kepada mereka ditindas. Kedua penulisan ini lebih tertumpu kepada penceritaan pengaruh Confucianisme di membentuk mentaliti dan sistem bermasyarakat pada ketika itu di samping mengenai bagaimana wanita itu dikongkong oleh idealisme yang diterapkan.

Karya Liu, Karl dan Ko (2013) yang bertajuk *The birth of Chinese feminism: Essential texts in transnational theory* lebih kepada menyentuh mengenai pengaruh Confucianism yang membentuk masyarakat patriarki yang seterusnya menjurus kepada kewujudan masyarakat yang bias terhadap wanita. Karya ini seperti penulisan Gao dan Jiang melihat masyarakat bias gender itu terwujud melalui amalan patriarki yang berasal dari idea Confucianisme yang diterapkan dalam masyarakat melalui pendidikan.

Secara amnya, kebanyakan kajian lepas ini dilihat membentuk satu *pattern* yang menumpukan perbincangan mereka kepada satu sisi pandang sahaja tanpa merangkumi perbincangan yang lebih inklusif yang merangkumi kesemua perkaitan misalannya kajian Wing membincangkan mengenai perbezaan pendidikan wanita dan lelaki sahaja dan ini serupa dengan kajian Wong juga yang tertumpu kepada

pendidikan wanita. Penulisan Huang pula tertumpu kepada penindasan, hak dan layanan yang diterima oleh wanita Qing yang berstatus remaja perempuan, isteri dan balu. Karya-karya ini tidak membincangkan dengan lanjut mengenai faktor yang mendasari dan mendorong wanita dilayan sedemikian. Karya Gao dan Jiang dilihat ada meliputi perbincangan yang melihat idea Confucianism itu menjurus kepada pembentukan masyarakat yang mengangkat lelaki dan menindas wanita atau dalam erti mudah masyarakat bias gender tetapi tidak menghuraikan secara mendalam mengenai penindasan. Jadi di sini jelas wujud satu corak penulisan kajian lepas yang dilihat menumpukan kepada satu sisi pandang isu semata dan kajian ini mengambil langkah untuk menghimpunkan data-data dari kajian lepas ini dan menggunakannya untuk penulisan analisa bagi dapatan kajian sekaligus membentuk satu kajian yang lebih inklusif dan merangkumi semua maklumat mengenai status quo wanita Qing dari sudut jenis penindasan mereka dan punca mereka ditindas.

2.3 Kajian peranan dan sumbangan Cixi

Tema kajian seterusnya ini tertumpu kepada melihat kepada sorotan literatur lepas yang mengkaji dan melihat kehidupan Cixi pra-1861 dan pasca-1861 iaitu penelitian terhadap kehidupannya sebelum memasuki istana dan ketika menjadi gundik serta kehidupan setelah menjadi pemangku pemerintah. Ini bagi menelusuri kehidupannya yang juga memainkan peranan dalam mempengaruhi kepimpinannya iaitu dari sudut peranan dan sumbangannya kepada China. Ini dilihat penting di kerana seperti yang dibangkitkan di dalam permasalahan kajian mengenai kepimpinannya iaitu wujud kajian lepas misalannya karya Bland dan Backhouse (2009) yang menggambarkan Cixi sebagai seorang pemimpin yang gagal dan tidak membawa apa kesignifikanan kepada China semasa menjadi pemerintah yang menimbulkan